



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

SIARAN MEDIA

KOLOKIUUM INTEGRITI PERHUTANAN 2026 PERKUKUH TADBIR URUS DAN KELESTARIAN HUTAN

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) menganjurkan Kolokium Integriti Perhutanan 2026 di Dewan Konvensyen Sultan Haji Ahmad Shah, Pekan, Pahang bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan integriti, akauntabiliti dan ketelusan dalam pengurusan hutan negara. Majlis ini telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar.

Kolokium ini menekankan perkongsian amalan terbaik dalam pengurusan perhutanan berintegriti dan mampan serta memperkukuh kerjasama antara jabatan, industri dan masyarakat umum. Dalam konteks ini, JPSM menyahut Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA) yang memberi fokus kepada tadbir urus, pendigitalan proses kerja, pemerkasaan akauntabiliti penjawat awam dan penglibatan komuniti dalam pemantauan hutan.

JPSM turut telah melancarkan Pelan Pembanterasan Rasuah Organisasi (PROPER) 2026–2030 selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019–2023 dan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024–2028. Pelan ini bertujuan memastikan JPSM bebas rasuah dalam pengurusan hutan tropika secara lestari.

Keberkesanan pelan ini akan dinilai melalui Penilaian Risiko Rasuah (Corruption Risk Assessment – CRA), dengan memberi tumpuan kepada tiga (3) fokus utama: rasuah, integriti dan tata kelola. Penilaian dibuat berdasarkan tujuh (7) kriteria utama termasuk dasar dan

perundangan, sistem kerja, nilai murni, kawalan dalaman, tindakan pengesanan dan pengiktirafan.

JPSM turut dianugerahkan Pensijilan Sistem Pengurusan Integriti dan Governans (SPINE) di atas pencapaian tahap unggul dalam mengurus risiko integriti, menambah baik kawalan dalaman serta mempertingkatkan tahap pematuhan dan ketelusan dalam tadbir urus dan tatakeloka Jabatan.

Sebagai antara agensi Kerajaan terawal melaksanakan SPINE, JPSM menunjukkan bahawa kepimpinan berintegriti, penglibatan warga kerja dan budaya organisasi yang beretika mampu menghasilkan impak nyata dalam tadbir urus dan pengurusan sumber hutan. Kejayaan ini juga dijadikan penanda aras kepada agensi lain dan menjadi pemangkin kepada penambahbaikan berterusan, terutamanya dalam menghadapi cabaran baharu seperti perubahan iklim, tekanan pembangunan dan permintaan industri yang semakin kompleks.

Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Dato' Haji Zahari bin Ibrahim, telah menandatangani Aku Janji Integriti JPSM yang disaksikan oleh Ketua Setiausaha Negara. Aku Janji ini menegaskan komitmen semua warga jabatan untuk melaksanakan tugas secara berintegriti, telus, amanah dan profesional. Dalam pada itu, Persatuan Pembalak, Kontraktor Pembangunan dan Industri Negeri Pahang turut menandatangani Aku Janji Integriti sebagai komitmen kepada pematuhan undang-undang dan amalan beretika dalam sektor perhutanan dan pembangunan hutan.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
11 FEBRUARI 2026

